

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 DISEMBER 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Ramal hujan lebat peringkat kuning	Harian Metro
2	Hujan lebat dijangka landa empat negeri	Harian Metro
3	'Halt ops during monsoon'	The Star
4	Delegasi 18 negara belajar asas pensijilan makanan halal	Sinar Harian
5	Drain filter ciptaan unik PMS	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 16 DISEMBER 2015 (RABU)

Ramal hujan lebat peringkat kuning

Kuala Lumpur: Hujan lebat peringkat kuning diramalkan berlaku di negeri pantai timur Semenanjung dan bahagian barat Sarawak sehingga Jumaat ini.

Menurut tinjauan cuaca dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, faktor hujan lebat berkenaan dipengaruhi tiupan angin timur laut yang menjadi lebih kencang berikutan luruan sejuk dijangka berlaku bermula hari ini hingga esok.

"Hujan lebat dijangka ber-

laku di Terengganu, Pahang dan Johor. Pada waktu petang dan senja pula, hujan dan ribut petir dijangka berlaku di negeri pantai barat Semenanjung dan bahagian lain di Sarawak serta bahagian pedalaman dan pantai barat Sabah.

"Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Jumaat ini," katanya.

Bagaimanapun, kenyataan itu berkata, pada Sabtu dan Isnin ini, tiupan angin timur laut di kawasan serantau ne-

gara dijangka kembali lemah dan hujan lebat mula reda.

"Hujan di satu dua tempat pada awal pagi masih boleh berlaku di negeri pantai timur Semenanjung dan bahagian barat Sarawak.

"Selain itu, pada waktu petang dan senja pula, hujan dan ribut petir dijangka berlaku di kebanyakan tempat di negeri di pantai barat Semenanjung dan semua bahagian di Sarawak serta bahagian pantai barat dan pedalaman Sabah," katanya.

Hujan lebat dijangka landa empat negeri

» *Potensi banjir mungkin berlaku jika berterusan tiga hari*

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

Hujan lebat dijangka melanda Pahang, Terengganu, Johor dan barat Sarawak selama tiga hari bermula hari ini hingga Jumaat.

Pengarah Meteorologi Kelantan, Maqrum Fadzli Mohd Fahmi, berkata pihaknya meletakkan amaran kuning selepas meramalkan hujan lebat berlaku di empat negeri itu dalam tempoh berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, Kelantan dijangka tidak dilanda

hujan lebat kali ini tetapi di-ramal akan menerima hujan lebat pada masa akan datang pada musim tengkujuh ini.

“Dalam fasa hujan monsun yang membabitkan empat episod bermula pertengahan November lalu hingga Januari tahun depan, ada kalanya tidak semua negeri di Pantai Timur Semenanjung akan berlaku hujan lebat monsun seperti Kelantan dalam episod kedua ini.

Potensi banjir

“Namun pada kali ini, ramalan hujan lebat akan berlaku di Pahang dan Terengganu termasuk Johor serta bahagian barat Sarawak. Potensi banjir kemungkinan berlaku apabila hujan berterusan tidak berhenti selama tiga hari.

“Bagaimanapun, kita masih melakukan pemantauan setiap hari bagi memastikan ramalan itu tepat atau tidak. Jika terdapat sebarang perubahan, kita akan mengemaskini maklumat baharu di laman web **Jabatan**

Meteorologi Malaysia iaitu *www.met.gov.my*,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Maqrum berkata bagi ramalan hujan seterusnya, ia bergantung kepada hasil tinjauan harian yang meramalkan kea-

“*Kita masih melakukan pemantauan setiap hari bagi memastikan ramalan itu tepat atau tidak. Jika terdapat sebarang perubahan, kita akan mengemaskini maklumat baharu di laman web Jabatan Meteorologi Malaysia*”

Maqrum Fadzli Mohd Fahmi,
Pengarah Meteorologi Kelantan

daan untuk tempoh enam hari seterusnya.

“Buat masa sekarang ini, kita belum mendapat sebarang maklumat untuk menjangkakan episod ketiga hujan lebat monsun yang berlaku di Pantai Timur nanti,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Shahimi Sharriff berkata air laut pasang besar dijangka melanda pesisir pantai negeri ini pada 25 hingga 28 Disember ini berdasarkan Jadual Pasang Surut Air Laut yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut.

Katanya, jika hujan lebat yang tidak berhenti selama tiga hari berturut-turut dalam tempoh itu, ia akan menyebabkan limpahan air laut ke Sungai Rantau Panjang dan Sungai Golok sekali gus berlakunya banjir besar.

“Pihak Meteorologi belum mendapat sebarang maklumat berhubung berlakunya hujan lebat dalam tempoh air pasang besar itu dijangka berlaku.

“Jika hujan lebat melanda negeri ini dalam tempoh itu, potensi banjir besar akan berlaku.

“Sehubungan itu, penduduk yang tinggal di kawasan tepi pesisir pantai dinasihat supaya sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuk banjir,” katanya.

